

TARIKH	3 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	19	RUANGAN	EKONOMI

## TH kaji ambil alih anak syarikat di Indonesia

KUALA LUMPUR 2 April - Lembaga Tabung Haji (TH) sedang meneliti secara serius mengenai tawaran yang diterima daripada PT TH Indo Plantations (THIP) untuk mengambilalih 95 peratus kepentingan dalam syarikat tersebut.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TH, Datuk Ismee Ismail berkata, secara dasarnya TH bersetuju dan percaya tawaran tersebut mampu memberi

peluang peningkatan nilai pelaburan dalam syarikat tersebut.

"Berbanding dengan nilai kos pelaburan awal, tawaran yang diterima dapat memberikan pulangan pelaburan yang menarik," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

THIP merupakan anak syarikat TH yang memiliki dan mengusahakan 83,879 hektar ladang kelapa sawit di Riau Indonesia sejak 1997.

Ismee berkata, TH bercadang untuk menggunakan hasil jualan bagi dilabur-

kan semula dalam aset-aset perladangan yang mempunyai prospek jangka masa panjang yang baik.

